

KERTAS 2**Dua jam lima belas minit**

Arahan : Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian, bahagian **A**, **B** dan **C**. Jawab mana-mana **lima** soalan daripada **bahagian A**, **dua** soalan daripada **Bahagian B** dan **satu** daripada **Bahagian C**.

Bahagian A

[50 markah]

Jawab **lima** soalan sahaja.

1. a) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis bentuk perniagaan.

- Suatu perkongsian strategik antara dua atau lebih individu atau syarikat
- Kedua-dua pihak tersebut untuk bekerjasama mengeluarkan barang atau perkhidmatan dalam jangka masa tertentu

Berikan **empat** kelebihan bentuk perniagaan tersebut.

[4 markah]

- b) Nyatakan **enam** komponen asas perniagaan.

[6 markah]

2. a) Berikan **tiga** faktor yang membolehkan sesuatu perniagaan mampu bertahan dalam industri. [3 markah]

- b) Maklumat di bawah berkaitan dengan objektif perniagaan

Ciri-ciri objektif yang baik dibentuk berdasarkan konsep SMART, di mana SMART merupakan akronim yang dirangka untuk membentuk objektif yang berkesan.

Berdasarkan pernyataan di atas, **nyatakan empat** ciri-ciri objektif yang baik.

[4 markah]

- c) Nyatakan **tiga** kesan yang dihadapi oleh perniagaan apabila gagal mencapai matlamat dan objektif. [3 markah]

3. a) Berikut merupakan maklumat situasi pertumbuhan ekonomi sebuah negara.

- Kuasa beli penduduk menurun
- Penurunan harga barang berterusan

i. Apakah situasi tersebut? [1 markah]


ii. Bagaimanakah pihak kerajaan mengatasi situasi tersebut? [3 markah]

b) Gaya pengurusan yang positif boleh membawa perubahan yang menguntungkan kepada persekitaran sesebuah perniagaan.

Terangkan tiga gaya pengurusan yang dimaksudkan.

[6 markah]

4. a) Rajah berikut berkaitan dengan jenis sumber teknologi.



Nyatakan dan terangkan tujuan mengurus sumber teknologi bertanda X dan Y? [6 markah]

b) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis sumber pembiayaan luaran

Puan Maimunah bercadang untuk memulakan perniagaan salon kecantikan. Beliau memerlukan modal permulaan sebanyak RM35 000 dengan kadar segera. Beliau berhasrat menjelaskan pinjaman dalam tempoh tujuh bulan. Puan Maimunah menjadikan barang-barang yang berikut sebagai cagaran yang dianggarkan bernilai lebih daripada RM90 000.



Jelaskan satu sumber pembiayaan luaran yang paling sesuai digunakan oleh Puan Maimunah.

[4 markah]

5. a) Terangkan **tiga** kekuatan diri usahawan [6 markah]
b) Senaraikan **empat** kelebihan menjadi usahawan kepada masyarakat. [4 markah]
6. a) Terangkan dua kepentingan rancangan perniagaan. [4 markah]
b) Senaraikan elemen-elemen dalam rancangan pentadbiran dan rancangan pemasaran. [6 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab **dua** soalan sahaja

7. a) Terangkan **empat** langkah pembangunan produk baharu yang pertama? [8 markah]
b) Senaraikan **tiga** tujuan bahagian fungsian pengeluaran? [3 markah]
c) Rajah di bawah menunjukkan suatu aktiviti yang dijalankan dalam bahagian fungsian X.



- i. Apakah bahagian fungsian X ? [1 markah]
ii. Nyatakan **tiga** peranan bahagian fungsian X ? [3 markah]

8. a)

Rancangan perniagaan merupakan dokumen bertulis yang penting dalam sesebuah organisasi yang menerangkan berkaitan perniagaan secara terperinci kepada pihak-pihak berkepentingan.

Andaikan anda seorang pemilik syarikat, antara maklumat yang perlu anda masukkan dalam sesebuah rancangan perniagaan ? [3 markah]

- b) Jelaskan **tiga** pihak yang berkepentingan yang memerlukan rancangan perniagaan tersebut. [6 markah]
- c) Mengapakah sesebuah organisasi perniagaan perlu menyediakan sesebuah rancangan perniagaan ? [6 markah]

9. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat ABC Berhad.

Syarikat ABC Berhad merupakan sebuah syarikat pengeluaran dan penjualan komputer untuk pasaran tempatan. Pengarah urusan syarikat ialah En Welda. Syarikat mempunyai beberapa jabatan, iaitu jabatan pengeluaran, jabatan pemasaran, jabatan kewangan dan jabatan sumber manusia. Jabatan pengeluaran diketuai oleh En Aiman, seorang jurutera yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang meluas dalam bidang kejuruteraan elektrik & elektronik.

Pengurus jabatan pemasaran ialah Puan Julisah dan dibantu dua orang eksekutif pemasaran iaitu Cik Tita dan En. Azlan. Jabatan kewangan pula diketuai oleh Encik Azuan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap hal ehwal syarikat. Manakala, En Rasdan bertugas sepenuhnya terhadap hal ehwal kewangan syarikat. Manakala, En Rasdan bertugas sebagai penyelia pengeluaran.

- a) Lakar dan labelkan carta organisasi syarikat ABC [7 markah]
- b) Bincangkan dua elemen campuran pemasaran bagi memasarkan komputer. [8 markah]

Bahagian C[20 *markah*]Soalan ini **wajib** di jawab.

10. Baca dengan teliti kes di bawah

Jenama Satay Ayam Ceria menjadi mangsa tiruan

Perniagaan Satay Ayam Ceria di Sipitang, Sabah yang cukup terkenal di negeri ini memberi amaran untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang menggunakan jenama itu tanpa sebarang kebenaran.

Meskipun sudah membuat pendaftaran cap dagangan dan memiliki hak eksklusif dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) tujuh tahun lalu, perniagaan Satay Ayam Ceria telah menjadi mangsa pihak tidak bertanggungjawab yang meniplak jenama itu bagi mengaut keuntungan mudah.

Perniagaan satay ayam yang mula bertapak lebih 25 tahun lalu memiliki nama utuh di negeri ini menyebabkan ramai yang meniru dan mengguna pakai jenama itu. Muhamad Arif pewaris perniagaan yang merupakan anak kepada Allahyarham Salleh Yaakob mengatakan bahawa Satay Ayam Ceria sudah diciplak oleh pihak tidak bertanggungjawab sehingga boleh didapati di seluruh negeri ini bahkan menular ke Sarawak dan Selangor.

Tambahan lagi, dia menegaskan sekeras-kerasnya bahawa dia tidak membuka cawangan di negeri-negeri lain kecuali Sabah tetapi didapati banyak perniagaan dibuka di Sarawak dan Selangor. Namun, ramai yang menggap ia adalah perniagaan yang sama.

Oleh itu, Muhamad Arif telah dihubungi oleh pihak berkuasa dan terpaksa beberapa kali ke pejabat kerajaan untuk menerangkan dan menunjukkan bukti bahawa hanya 4 sahaja cawangan Satay Ayam Ceria yang asal dan selainya adalah tiruan.

Cawangan Satay Ayam Ceria terletak di Jalan Beaufort dan di Pekan Keningau. Muhamad Arif juga berkata, keadaan menjadi lebih kusut apabila pihak yang mengambil kesempatan dengan menjalankan aktiviti berhutang dan menyamar sebagai pihak Satay Ayam Ceria sekaligus mencalarakan imej perusahaan itu.

Berdasarkan kes ini, jawab soalan-soalan yang berikut.

- a) i. Nyatakan jenis perniagaan Satay Ayam Ceria [1 *markah*]
ii. Jelaskan dua kelebihan jenis milikan perniagaan di atas. [4 *markah*]
- b) i. Apakah prosedur mengurus sumber teknologi tersebut. [1 *markah*]
ii. Terangkan mengenai sumber teknologi tersebut. [3 *markah*]
- c) Terangkan **dua** bahagian fungsian utama yang terdapat dalam perniagaan Satay Ayam Ceria. [3 *markah*]
- d) Jelaskan kesan kepada perniagaan Satay Ayam Ceria akibat daripada menjadi mangsa tiruan. [4 *markah*]
- e) Wajarkah perniagaan Satay Ayam Ceria memfrancaiskan perniagaannya. Berikan alasan anda. [4 *markah*]

-KERTAS SOALAN TAMAT-